

3

Perkembangan Sumber Maklumat Elektronik di Perpustakaan UniMAP

PERKEMBANGAN SUMBER MAKLUMAT ELEKTRONIK DI PERPUSTAKAAN UniMAP

Perpustakaan Universiti Malaysia Perlis

Perpustakaan UniMAP ditubuhkan pada April 2002 selaras dengan penubuhan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia atau singkatannya KUKUM. Ia memulakan operasinya di Tingkat 2, Blok Podium, Bangunan KWSP yang digunakan pada peringkat awal untuk aktiviti perolehan, pengkelasan dan pengkatalogan bahan. Pada Februari 2006, KUKUM telah dinaik taraf daripada status Kolej Universiti kepada Universiti Malaysia Perlis. Sebagai perpustakaan akademik, ia menawarkan koleksi ilmiah, kemudahan dan perkhidmatan maklumat kepada warga UniMAP bagi memenuhi keperluan maklumat pembelajaran, penyelidikan, pengajaran dan perundingan di Universiti.

Perpustakaan UniMAP kini terletak di Tingkat 1 dan 2, Blok Podium, Bangunan KWSP di Kangar, Perlis. Ruang berkenaan mengalami transformasi dari sebuah Pasar Raya *Looking Good* kepada ruang koleksi, kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan. Pada Februari 2007, pengubahsuaian ruang dilaksanakan bertujuan meningkatkan peruntukan ruang untuk penempatan koleksi yang meningkat pada kadar 4,000-5,000 naskhah setahun. Hasil pengubahsuaian, Perpustakaan Tingkat 1 dijadikan ruang pejabat, menempatkan unit-unit yang mengendalikan aktiviti pemprosesan dan teknikal meliputi Unit Perolehan, Unit Katalog dan Metadata, Unit Bersiri dan Dokumen, Unit Sistem dan ICT dan Unit Penerbitan. Bermula pada Januari 2008, perolehan ruang tambahan dibuat untuk menampung keperluan ruang bacaan untuk pengguna. Langkah dan inisiatif ini perlu di ambil sementara menunggu bangunan Perpustakaan UniMAP di kampus tetap Ulu Pauh siap dibina pada penghujung tahun 2011.

Sehingga Jun 2008, Perpustakaan UniMAP menawarkan capaian kepada 35,000 naskhah bahan bercetak, 3,500 bahan media, 122 judul jurnal dan majalah kini, 85,000 judul e-buku, 9,600 judul jurnal elektronik dan jutaan teks penuh artikel. Perpustakaan UniMAP memanfaatkan sepenuhnya aplikasi ICT dalam penyediaan mesin pinjaman layan diri, kotak pemulangan buku elektronik, makmal komputer yang menawarkan 60 unit komputer meja, capaian kepada perkhidmatan maklumat atas talian, sistem perpustakaan bersepadu dan sistem keselamatan elektronik.

Penubuhan KUKUM adalah sebahagian daripada agenda untuk meningkatkan bilangan jurutera mahir di Malaysia (Yusri Sahat, 2003). Sehubungan itu, koleksi sumber maklumat di Perpustakaan UniMAP amat cenderung kepada bidang kejuruteraan sebagai *niche area* universiti. Ini meliputi bahan bacaan dalam format buku dan monograf, bahan media, bersiri dan pangkalan data atas talian. Bagi memenuhi maklumat dalam bidang kejuruteraan, Perpustakaan UniMAP telah mula melanggan kepada pangkalan data bidang